

Tinggal empat daerah masih terjejas

JOHORBAHRU - Pusat pemindahan banjir di Mersing dan Kota Tinggi ditutup sepenuhnya semalam sekaligus menjadikan hanya empat daerah di negeri ini mengalami banjir.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Datuk Ayub Rahmat berkata, 66 pusat pemindahan masih beroperasi dengan menempatkan 7,316 mangsa menerusi data jam 4 petang.

Ini melibatkan 47 pusat pemindahan di Segamat dengan jumlah 5,492 mangsa; Tangkak 1,540 di 12 pusat pemindahan, Kluang berbaki 65 mangsa di tiga pusat pemindahan dan Muar hanya 219 mangsa di empat pusat pemindahan.

Dua sekolah masih ditutup, SMK Felcra Bukit Kepong dan SK Kampung Tengah kedua-duanya di Segamat.

"Angka korban disebabkan banjir meningkat dengan korban terkini seorang lelaki berusia 58 tahun dari Segamat menjadikan dua kematian sehingga semalam.

"Manakala dua sekolah di Segamat masih ditutup dan ia tidak menjejaskan operasi persekolahan kerana cuti bagi sambutan perayaan Tahun Baharu Cina telah bermula," katanya.

Foto: Bernama

INFO

Sembilan jalan di Johor terputus hubungan:

● Segamat:

1. Jalan Jabi - Bukit Tempurung
2. Jalan Pogoh-Tekam
3. Jalan Kuala Paya-Balai Badang

● Kluang:

1. Jalan Kampung Orang Asli Berasan
2. Jalan Kampung Orang Asli Sedohok
3. Jalan Kampung Orang Asli Air Pasir/Kuala Sengka
4. Ladang Mutiara

● Pontian:

1. Jambatan Jalan Kampung Sungai Pinggan (jambatan runtuh)

● Muar:

1. KM 61 Jalan Muar - Labis



Pondok Polis Bukit Kepong yang menempatkan Galeri Darurat Bukit Kepong digenangi air separas pinggang akibat limpahan dari Sungai Muar di Bukit Kepong, semalam.